



International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies
(IJWCPS)
Universiti Sains Malaysia
<https://ejournal.usm.my/ijwcps/>
e-ISSN: 3030-5071
Volume 2 2025: 61-72

Submission date: 25/09/2024 Accepted date: 08/10/2024 Published date: 01/03/2025

Analisis Punca Perubahan Orientasi Seksual Kepada Homoseksual Menurut Perspektif Bible *(Analysis of the Causes of Changes in Sexual Orientation to Homosexuals According to the Biblical Perspective)*

Mohd Azwan bin Md Yasim, Muhammad Azizan bin Sabjan*
Universiti Sains Malaysia

*Corresponding author: mazizan@usm.my

Abstrak

Gaya hidup homoseksual merupakan isu global yang menyerang pelbagai latar belakang agama. Namun, wujudnya perbezaan yang ketara dalam menentukan punca daripada dasar kerana tiada faktor dominan kepada permasalahan ini. Sehubungan dengan itu, kajian kepustakaan dilakukan dan mendapati adanya teks yang menjelaskan punca perubahan orientasi seksual kepada homoseksual terdapat di dalam Bible. Oleh yang demikian, objektif kajian ini ialah untuk menganalisis punca perubahan orientasi seksual kepada homoseksual menurut perspektif Bible. Bagi mencapai objektif, reka bentuk kajian kualitatif digunakan untuk melakukan analisis kandungan teks Roma 1: 18-28. Hasil analisis mendapati bahawa dua faktor utama penyumbang kepada perubahan orientasi seksual kepada homoseksual. Pertama, melakukan hal yang salah. Kedua, mengajarkan orang lain melakukan hal yang salah. Kedua-dua faktor tersebut menyebabkan hati dan fikiran manusia menjadi sukar untuk memahami agama seterusnya memberi kesan kepada orientasi seksual. Sehubungan dengan itu, kajian ini berjaya menganalisis penemuan baharu dalam mengenal pasti punca perubahan orientasi seksual kepada homoseksual menurut perspektif Bible. Merujuk kepada punca yang dikenal pasti, pihak yang bertanggungjawab dapat merangka kaedah pemulihan khusus kepada homoseksual yang beragama Kristian untuk kembali semula ke pangkal jalan.

Kata Kunci: Homoseksual, Orientasi Seksual, Bible.

Abstract

The homosexual lifestyle is a global issue that affects various religious backgrounds. However, there are significant differences in determining the root of the cause because there is no dominant factor in this issue. With that, a literature review was conducted and found that there is a text explaining the reason for the change of sexual orientation to homosexuality in the Bible. Thus, the objective of this study is to analyze the causes of change in sexual orientation to homosexuality from a Biblical perspective. To achieve the purpose, a qualitative study design was used to analyze the text content of Romans 1:18-28. The results of the analysis found that two main factors contributed to the change in sexual orientation to homosexuality. First, doing the wrong thing. Second, teaching others to do the wrong thing. Both factors cause the human heart and mind to find it challenging to understand religion and thus affect sexual orientation. Concerning that, this study manages to analyze the new findings in identifying the causes of the change of sexual orientation to homosexuality from the perspective of the Bible. Referring to the known causes, the responsible parties can devise unique recovery methods for homosexuals who are Christians to return to the beginning of the path.

Keywords: Homosexual, Sexual Orientation, Bible.

Pendahuluan

Orientasi seksual ialah kecenderungan atau ketertarikan seksual kepada berlawanan jantina atau sesama jantina (Rahman dan Wilson, 2003; Icha, 2019). Orientasi seksual yang normal ialah heteroseksual iaitu lelaki yang tertarik kepada wanita atau sebaliknya. Sedangkan orientasi seksual sesama jantina pula ialah lelaki yang tertarik kepada lelaki atau wanita tertarik kepada wanita (Nadeak dan Maduwu, 2022).

Sorotan kajian mendapati beberapa faktor yang menjadi punca perubahan orientasi seksual manusia. Contohnya ia dikaitkan oleh personaliti semula jadi (Maisarah dan Nur Zainatul, 2022), masalah perkembangan kehidupan dalam keluarga (Khadijah et al., 2012), sejarah percintaan sesama jantina (Meriam, 2000), psikologi yang mempengaruhi identiti jantina (Ricky, 2023; Yenti dan Tony, 2023), penyakit psikiatrik (Noor Hafizah et al., 2021), persekitaran hidup (Abdul Rashid et al., 2021; Maisarah dan Nur Zainatul, 2022; dan Ricky, 2023), sejarah penderaan seksual (Ricky, 2023), pengaruh media (Muhamad Zafeeruddin, 2004), pemakanan dan ubat-ubatan (Nek et al., 2015), genetik (Mohamad Ramzi et al., 2020; dan Abdul Rashid et al., 2021) dan biologi (Yenti dan Tony, 2023).

Punca-punca yang telah dikenal pasti ini memberi petunjuk awal bahawa adanya perbezaan dalam mencari penyebab berlakunya perubahan orientasi seksual manusia. Ia sekali gus menggambarkan bahawa punca sebenar masih lagi belum dapat dibuktikan dengan tepat. Hal ini kerana tiada faktor penyumbang yang menjadi dominan kepada berlakunya permasalahan ini. Menurut Amran (2015), kajian seperti ini masih dalam proses pencarian jawapan yang kukuh kerana ia kurang dijalankan oleh pakar kesihatan. Adapun kajian cuba dilakukan dalam bidang teologi, namun hasil kajian lebih cenderung dibuktikan menurut perspektif saintifik.

Merujuk kepada permasalahan ini, kajian kepustakaan dijalankan dan didapati bahawa teks Roma 1:18-28 di dalam Bible ada menjelaskan punca perubahan orientasi seksual kepada homoseksual. Maka, analisis terjemahan teks tersebut dilakukan untuk mengenal pasti dengan terperinci perubahan orientasi seksual yang berlaku kepada homoseksual.

Merujuk teks tersebut, teretusnya perubahan orientasi seksual kepada homoseksual ini bermula dalam diri manusia yang mengalami fikiran yang tumpul dan hati yang bebal diselubungi kegelapan dalam memahami

agama. Ia disebabkan oleh dua faktor utama, iaitu melakukan perkara yang salah dan mengajar orang lain melakukan hal yang salah.

Perbincangan

Bahagian ini akan menganalisis dan membincangkan dengan terperinci teks Roma 1:18-28. Teks ini menjelaskan bahawa teretusnya perubahan orientasi seksual kepada homoseksual ini bermula dalam diri manusia yang mengalami fikiran yang tumpul dan hati yang bebal diselubungi kegelapan. Faktor utama berlakunya permasalahan ini disebabkan oleh melakukan perkara yang salah dan mengajar orang lain melakukan hal yang salah. Kupasan terperinci terhadap kedua-dua faktor tersebut dijelaskan dalam bahagian di bawah.

Melakukan Hal yang Salah

Faktor pertama yang akan diberi tumpuan dalam analisis kepada berlakunya perubahan orientasi seksual manusia ialah sikap manusia yang melakukan hal yang salah. Merujuk teks Roma 1:18, kelakuan salah yang dimaksudkan ialah manusia menyekutukan Tuhan dengan makhluk (Roma 1:25). Amalan seperti ini melanggar peraturan Tuhan yang utama daripada sepuluh perintah (Keluaran 20:1-3). Namun, kesalahan ini dilihat bukan hanya dilakukan oleh homoseksual, malah ia sedang dialami oleh semua penganut Kristian kerana mengiktiraf Tuhan setaraf dengan Jesus, dan Roh Kudus. Konsep kepercayaan trinitas yang dipraktikkan ini sebenarnya mempercayai wujudnya beberapa tuhan yang lain. Sedangkan Tuhan telah berfirman,

 Tuhan memberikan semua hukum ini. Dia berfirman,
 “Akulah Yehuwa, Tuhan kamu, yang membawa kamu

keluar dari Mesir, tempat kamu diperhamba. Jangan menyembah tuhan-tuhan lain. Sembahlah Aku sahaja (Keluaran 20:1-3).

Bagi membuktikan penganut Kristian menjadikan entiti lain setaraf dengan kedudukan Tuhan yang satu pula akan diperincikan dalam bahagian di bawah:

a) Enggan Mendapatkan Pengetahuan yang Tepat Tentang Tuhan

Bukti yang pertama penganut Kristian menyekutukan Tuhan ialah enggan mendapatkan pengetahuan yang tepat tentangNya. Tuhan berfirman,

Oleh sebab mereka enggan mendapat pengetahuan yang tepat tentang Tuhan, Tuhan menyerahkan mereka kepada keadaan mental yang tidak diperkenankan-Nya dan mengizinkan mereka untuk membuat hal-hal yang tidak patut dilakukan (Roma 1:28).

Merujuk Roma 1:28, manusia tidak mahu mendapatkan pengetahuan yang tepat tentang Tuhan walaupun telah diterangkan dengan terperinci cara untuk mengenaliNya seperti yang dicatatkan dalam Bible. Keengganan untuk mendapatkan pengetahuan yang tepat tentang Tuhan dilihat jelas berlaku dalam memahami konsep ketuhanan dalam agama Kristian. Hal ini kerana kepercayaan penganut terhadap teks yang menjelaskan mengenai konsep Tuhan yang satu dalam Bible didapati berlawanan dengan konsep trinitas yang dipercayai oleh penganut Kristian.

Pendapat ini disokong oleh Haring (2017, p. 518) dan Richard (2019, p. 159), mereka mendapati tafsiran *monotheism* dalam agama Kristian boleh

dipertikaikan oleh pengkaji teologi. Walaupun penganut Kristian memiliki kepercayaan *monotheism* (Neibuhr, 2015; Kombo, 2009), tetapi wujudnya kesamaran dalam menentukan sifat Jesus (Thomas, 2002, p. 90-116; Leszczynski, 2015, p. 89) dan Roh Kudus. Kepercayaan ini tidak mencerminkan bahawa Tuhan bersifat tunggal secara mutlak (Wan dan Indriaty, 2014).

b) Tidak Muliakan Tuhan

Bukti kedua manusia menyekutukan Tuhan ialah tidak memuliakan Tuhan. Menurut Myers dan Scanzoni (2005, p. 99), Siker (2007, p. 69), dan Himbaza, Schenker dan Edart, (2011, p. 100), punca homoseksual disebabkan oleh sikap manusia yang tidak memuliakan Tuhan. Manusia tidak menyembah Tuhan yang sebenar, tetapi beralih kepada sembah palsu. Tuhan berfirman,

Walaupun mereka mengenali Tuhan, mereka tidak memuliakanNya sebagai Tuhan dan tidak bersyukur kepada-Nya. Sebaliknya, pemikiran mereka sudah menjadi tumpul dan hati mereka yang bebal diselubungi kegelapan (Roma 1:21).

Merujuk Roma 1:21, manusia telah diberi bukti yang mencukupi untuk mengenali Tuhan. Namun, manusia masih tidak muliakanNya pada kedudukan yang sebenar. Bahkan, manusia muliakan makhluk dengan menjadikannya setaraf dengan kedudukan Tuhan. Justeru, tindakan manusia yang tidak muliakan Tuhan memberi gambaran bahawa manusia kufur kepadaNya.

c) Kufur Kepada Tuhan

Bukti ketiga manusia menyekutukan Tuhan ialah kufur atau tidak bersyukur kepadaNya. Tuhan berfirman,

Walaupun mereka mengenali Tuhan, mereka tidak memuliakanNya sebagai Tuhan dan tidak bersyukur kepadaNya. Sebaliknya, pemikiran mereka sudah menjadi tumpul dan hati mereka yang bebal diselubungi kegelapan (Roma 1:21).

Merujuk Roma 1:21, Tuhan menampelak manusia yang mengenaliNya tetapi kufur kepadaNya. Tanda manusia kufur kepadaNya dapat dilihat apabila manusia menzahirkan sikap penentangan atas kurniaanNya. Contohnya ialah transgender yang tidak berpenampilan dengan jantina yang dimiliki menunjukkan sikapnya yang keterlaluan dengan melanggar peraturan yang dijelaskan dalam Ulangan 22:5. Tuhan berfirman,

Orang perempuan tidak boleh memakai pakaian orang lelaki, dan orang lelaki tidak boleh memakai pakaian orang perempuan. Hal ini demikian kerana Yehuwa, Tuhan kamu, membenci orang yang melakukan hal sebegitu.

Mengajar Orang lain Melakukan Hal yang Salah

Punca kedua yang menyebabkan berlakunya perubahan orientasi seksual kepada homoseksual ialah mengajar orang lain melakukan hal yang salah (Roma 1:18). Kesalahan ini bermula daripada individu yang mengubah hukum asal dalam Bible. Perubahan terhadap fakta asal memberi kesan yang besar kepada penganut yang hidup pada generasi terkemudian. Pendapat ini selari dengan Yeremia 8:8. Tuhan berfirman,

Berani kamu berkata, “Kami bijak. Kami mempunyai hukum Yehuwa.” Sebenarnya pena palsu milik para jurutulis hanya digunakan untuk menulis hal-hal yang tidak benar (Yeremia 8:8)

Merujuk Yeremia 8:8, jurutulis bukanlah orang yang mengetahui hukum Tuhan sehingga mengubah hukum asal yang terdapat dalam Bible. Sikap seperti ini dapat disamakan dengan sikap penyokong homoseksual yang menyebarkan ajaran palsu dengan menutup kesalahan homoseksual. Mereka cuba menterjemahkan semula teks seks sesama jantina dalam Bible mengikut acuan sendiri untuk menghalalkan apa yang telah diharamkan sebelumnya. Hal ini memberi kesan buruk kepada penganut Kristian yang lain. Mereka turut percaya kepada penafsiran terjemahan yang salah sekali gus menuruti hal yang salah.

Apabila terlalu banyak melakukan hal yang salah dan mengajar manusia melakukan hal yang salah, ia mengakibatkan pemikiran dan hati menjadi kotor. Pendapat ini selaras dengan Paul yang menyatakan punca perilaku homoseksual adalah didorong oleh rangsangan yang pelik disebabkan jiwa yang kotor (Himbaza, Schenker dan Edart, 2011, p. 99; Brownson, 2013, p. 266). Akibatnya, Tuhan tidak memberi petunjuk kepada manusia yang mengikut nafsu menyebabkan hati dan fikiran menjadi semakin rosak yang pada akhirnya memberi kesan kepada orientasi seksual manusia untuk melakukan perbuatan keji.

Kesimpulan

Analisis punca perubahan orientasi seksual kepada homoseksual ini dilakukan berpandukan kepada teks Roma 1:18-28. Penemuan bukti baharu yang lebih autoriti daripada teks Bible ini masih belum diberi penekanan oleh pihak yang bertanggungjawab untuk merangka kaedah pemulihan kepada homoseksual kembali semula ke pangkal jalan. Justeru, ia dapat dijadikan sebagai penanda aras baharu buat gereja untuk mengambil tindakan susulan yang khusus kepada homoseksual supaya dapat melakukan hal yang benar dan mengajarkan hal yang benar. Diharapkan kejayaan dalam menganalisis punca perubahan orientasi seksual kepada homoseksual ini juga dapat diberi tumpuan yang

sewajarnya oleh ahli akademik. Kajian susulan pada masa akan datang wajar dilakukan bagi mengetengahkan kaedah pemulihan yang sewajarnya supaya dapat membimbing homoseksual menuju ke jalan yang benar.

Rujukan

- Abdul R. A. A., Rezki P. S., Mohamad I. A., Norsuhaida C. M. Joki P. S. (2021). Pengukuhan Orientasi Seksual Terhadap Sesama Jenis (Gay) dalam Kalangan Remaja Lelaki: Implikasi Terhadap Keluarga dan Rakan Sebaya. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities*. 6(5), 12-21.
- Amran Hassan. (2015). Kefahaman Terhadap Aspek Pendefinisian dan Ciri Utama Golongan Homoseksual. *The Social Science Journal*. 10(2), 16-28.
- Brownson V. J. (2013). Bible, Gender, Sexuality. *Reframing the Church's Debate on Same-Sex Relationships*. Cambridge: Wm. B. Eerdmans Publishing Co.
- Haring, J. W. (2017). "The Lord Your God is God of Gods and Lord of Gods and Lord of Lords": Is Monotheism a Political Problem in the Hebrew Bible? *Political Theology*, 512-527.
- Himbaza, I., Schenker, A. dan Edart, J. B. (2011). *The Bible on the Question of Homosexuality*. Washington D.C.: The Catholic University of America Press.
- Icha, M. E. (2019). Peranan Orang Tua dalam Membentuk Orientasi Seksual Pada Anak. *Jurnal Kajian Gender dan Anak*. 03 (2).

- Khadijah Alavi, Salina Nen, Fauziah Ibrahim, Noremy Md. Akhir, Mohd Suhaimi Mohamad & Noorhasliza Mohd Nordin. (2012). “Hamil Luar Nikah dalam Kalangan Remaja”. *Journal of Social Science and Humanities*. 7(1). 131-140.
- Kitab Suci Terjemahan Dunia Baharu. (2013). *Diterjemahkan berdasarkan New World Translation of the Holy Scriptures*. Pennsylvania: Watch Tower Bible and Track Society.
- Kombo, J. (2009). The Trinity in Africa. *Journal of Reformed Theology*, 125-143.
- Leszczynski, R. M. (2015). The Brest Bible: Trinitarian and Christological Issue. *Reformation and Renaissance Review*, 82-96.
- Maisarah M. & Nur Zainatul. (2022). Fenomena LGBT di Malaysia: Analisis Faktor dan kaedah Pemulihan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 23(3): 136-147.
- Meriam Omar Din. (2000). Kajian Kes Kaunseling Seksualiti: Masalah Seorang Dewasa Transeksual. *Jurnal PERKAMA*. 8, 153-174.
- Muhammad Ramzi Zakaria, Mohd Izzat Izzuddin Jafri & Nurul Hidayah Mohd Salleh. (2020). “Punca Permasalahan Transgender Dalam Kalangan Pelajar Islam di Malaysia”. Diakses melalui <https://www.academia.edu/39052895/>
- Muhammad Zafeeruddin. (2004). *Bahaya Homoseks Liwat*. Klang: Klang Book Centre.

- Myers, D. G., & Scanzoni, L. D. (2005). *What God Has Joined Together? A Christian Case for Gay Marriage*. Perfectbound.
- Nadeak, L. & Maduwu, B. C. (2022). “Perkahwinan” Pasangan Homoseksual Tidak Sesuai dengan Ajaran Gereja Katolik. *Jurnal Publikasi Logos*. 19(2), 119-129.
- Niebuhr, H. R. (2015). *The Doctrine of the Trinity and The Unity of the Church*. *Sage Publication*, 371-384.
- Nek, M. B., Farahwahida, M. Y., Siti, N. M., Ahmad, M. H., Mohd Nasir, R. & Zulkiflee, H. (2016). “Homoseksual: Antara Hukum dan Kemajuan Sains”. *Sains Humanika*. 8 (4):45-54
- New World Translation of the Holy Scriptures (Revised 2013). (2013). *New World Bible Translation Committee*. Pennsylvania: Watch Tower Bible and Track Society.
- Noor Hafizah M.H., Norsaleha M. S. Ahmad Munawar I. & Nasrudin S. (2021). Elemen Utama Model Pemulihan Hoplistik Terhadap Komuniti Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender. *Online Journal Research in Islamic Studies*. 8(2); 11-18.
- Rahman, Q. & Wilson, G. D. (2003). “Born Gay? The Psychobiology of Human Sexual Orientation”. *Personality and Individual Differences*, 34(8), 1337–1382.
- Richard, K. M. (2019). *Tawhidic Allah, the Trinity, and Eschaton: A Comparative Analysis of the Qualitative Nature of the Afterlife in Islam and Christianity*. Lynchburg, Virginia: Liberty University School of Divinity.

- Ricky E. T. (2023). Pandangan Alkitab tentang Identitas Seksual LGBTQ. *Journal Teologi Injil dan Dispensasional*. 1(1), 13-23.
- Siker, J. S. (2007). *Homosexuality and Religion*. London: Greenwood Press.
- Thomas, D. (2002). *Early Muslim Polemic Against Christianity: Abū 'Īsā al-Warrāq's 'Against the Incarnation'*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Wan, H. K., & Indriaty, I. (2014). Kalimah Allah Menurut Perbahasan Linguisti dan Teologi. *Seminar Antarabangsa Dakwah dan Etnik 2014* (pp. 1-13). UKM, Bangi, Selangor: Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Peribumi.
- Yenti K. G. & Tony, S. (2023). Respek dan Setara: Meninjau Ulang Faktor dan Solusi Masalah LGBTQ Berbasis Nilai Teologis. *Jurnal Teologi*. 5(1), 18-30.